



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

INDEKS KESEJAHTERAAN RAKYAT MALAYSIA (IKRM)

MALAYSIAN WELL-BEING INDEX (MyWI) 2022

Pemakluman:

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) akan menjalankan Banci Pertanian pada tahun 2024. Mohon layari <https://www.myagricensus.gov.my> untuk maklumat lanjut. Tema adalah "Banci Pertanian, Kunci Kemajuan Pertanian."

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah "Statistik Nadi Kehidupan".

Announcement:

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides a catalog of data and visualisations to facilitate users' analysis of various data and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) will conduct the Agriculture Census in 2024. Please visit <https://www.myagricensus.gov.my> for more information. The theme is "Agriculture Census, Key to Agricultural Development."

The Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20th each year. MyStats Day theme is "Statistics is the Essence of Life".

JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

Diterbitkan dan dicetak oleh/ *Published and printed by:*

Jabatan Perangkaan Malaysia

Department of Statistics Malaysia

Blok C6 & C7, Kompleks C,

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,

62514 Putrajaya,

MALAYSIA

Tel. : 03-8885 7000
Faks : 03-88889248
Portal : <https://www.dosm.gov.my>
Facebook / X / Instagram/ YouTube : StatsMalaysia
E-mel / E-mail : info@dosm.gov.my (pertanyaan umum/ *general enquiries*)
data@dosm.gov.my (pertanyaan & permintaan/ *request & enquiries*)

Harga/ *Price* : RM35.00

Diterbitkan pada Disember 2023/ *Published in December 2023*

Hakcipta terpelihara/ *All rights reserved*

Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukar dalam apa-apa bentuk atau alat apa jua pun kecuali setelah mendapat kebenaran daripada Jabatan Perangkaan Malaysia. Pengguna yang mengeluarkan sebarang maklumat dari terbitan ini sama ada yang asal atau diolah semula hendaklah meletakkan kenyataan berikut:

“Sumber : Jabatan Perangkaan Malaysia”.

No part of this publication may be reproduced or distributed in any form or by any means or stored in data base without the prior written permission from Department of Statistics, Malaysia. Users reproducing content of this publication with or without adaptation should quote the following:

“*Source : Department of Statistics, Malaysia*”.

ISSN 2716-5485



KATA PENGANTAR

Laporan Indeks Kesejahteraan Rakyat Malaysia (IKRM) 2022 diterbitkan untuk mengukur tahap kesejahteraan rakyat Malaysia daripada perspektif ekonomi dan sosial. IKRM meliputi lima komponen ekonomi iaitu pengangkutan, komunikasi, pendidikan, pendapatan dan pengagihan serta persekitaran kerja. Manakala terdapat sembilan komponen sosial iaitu perumahan, hiburan dan rekreasi, keselamatan awam, penyertaan sosial, tadbir urus, kebudayaan, kesihatan, alam sekitar dan keluarga.

Penerbitan IKRM 2022 merupakan penerbitan kelima yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia. Penerbitan sebelum 2018 adalah di bawah tanggungjawab Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri. Mulai tahun 2023, Laporan IKRM diterbitkan sehingga peringkat negeri.

Penerbitan ini terbahagi kepada enam bahagian. Bahagian pertama memaparkan infografik diikuti bahagian kedua memperihalkan ringkasan penemuan. Bahagian ketiga dan keempat membentangkan prestasi IKRM di peringkat nasional dan negeri. Seterusnya, diikuti dengan jadual statistik di bahagian kelima. Bahagian keenam mengandungi nota teknikal untuk menerangkan sumber data, metodologi dan penerangan bagi setiap komponen untuk membantu pengguna memahami statistik yang diterbitkan dalam penerbitan ini.

Jabatan merakamkan setinggi-tinggi penghargaan atas kerjasama oleh semua pihak dalam menjayakan penghasilan penerbitan ini. Setiap maklum balas dan cadangan ke arah penambahbaikan penerbitan ini pada masa hadapan amat dihargai.

DATO' SRI DR. MOHD UZIR MAHIDIN

Ketua Perangkawan Malaysia

Disember 2023



PREFACE

The Malaysian Well-being Index (MyWI) Report 2022 is published to measure the well-being of Malaysians from an economic and social perspective. MyWI comprises five economic components namely transportation, communications, education, income and distribution and working life. Meanwhile, there are nine social components which are housing, entertainment and recreation, public safety, social participation, governance, culture, health, environment and family.

The MyWI 2022 publication is the fifth publication issued by the Department of Statistics Malaysia. Publication prior to 2018 is under the purview of the Economic Planning Unit, Prime Minister's Department. Starting 2023, MyWI Report is published at state level.

This publication contains six parts. The first part displays the infographic and followed by the second part which presents a summary of the findings. The third and fourth part present the performance of MyWI at national and state level. Next, followed by statistical tables in the fifth part. The sixth part consists of technical notes to explain the data sources, methodologies and descriptions for each component to assist users in understanding the statistics published in this publication.

The Department gratefully acknowledges the cooperation and contribution by all parties in making this publication a success. Every feedback and suggestion towards improving future report is highly appreciated.

DATO' SRI DR. MOHD UZIR MAHIDIN
Chief Statistician Malaysia
December 2023



Kandungan/ *Contents*

	Kata Pengantar <i>Preface</i>	iii
	Senarai Jadual Statistik <i>Statistics Table List</i>	viii-ix
1	Sepintas Lalu <i>At a Glance</i>	3
2	Ringkasan Penemuan <i>Summary of Findings</i>	11
3	Prestasi IKRM di peringkat nasional <i>Performance of MyWI at national level</i>	21
4	Prestasi IKRM di peringkat negeri <i>Performance of MyWI at state level</i>	71
5	Jadual Statistik <i>Statistical Tables</i>	142
6	Nota Teknikal <i>Technical Notes</i>	161

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong
This page is deliberately left blank



SENARAI JADUAL

LIST OF TABLES

Senarai Jadual

List of Tables

1.1	Indeks Kesejahteraan Rakyat Malaysia mengikut Komponen, Malaysia, 2000-2022 <i>Malaysian Well-being Index by Component, Malaysia, 2000-2022</i>	142
1.2	Indeks Kesejahteraan Rakyat Negeri mengikut Komponen, Malaysia, 2010-2022 <i>State Well-being Index by Component, Malaysia, 2010-2022</i>	144
1.3	Indeks Kesejahteraan Rakyat Negeri mengikut Komponen, Johor, 2010-2022 <i>State Well-being Index by Component, Johor, 2010-2022</i>	145
1.4	Indeks Kesejahteraan Rakyat Negeri mengikut Komponen, Kedah, 2010-2022 <i>State Well-being Index by Component, Kedah, 2010-2022</i>	146
1.5	Indeks Kesejahteraan Rakyat Negeri mengikut Komponen, Kelantan, 2010-2022 <i>State Well-being Index by Component, Kelantan, 2010-2022</i>	147
1.6	Indeks Kesejahteraan Rakyat Negeri mengikut Komponen, Melaka, 2010-2022 <i>State Well-being Index by Component, Melaka, 2010-2022</i>	148
1.7	Indeks Kesejahteraan Rakyat Negeri mengikut Komponen, Negeri Sembilan, 2010-2022 <i>State Well-being Index by Component, Negeri Sembilan, 2010-2022</i>	149
1.8	Indeks Kesejahteraan Rakyat Negeri mengikut Komponen, Pahang, 2010-2022 <i>State Well-being Index by Component, Pahang, 2010-2022</i>	150

1.9	Indeks Kesejahteraan Rakyat Negeri mengikut Komponen, Pulau Pinang, 2010-2022 <i>State Well-being Index by Component, Pulau Pinang, 2010-2022</i>	151
1.10	Indeks Kesejahteraan Rakyat Negeri mengikut Komponen, Perak, 2010-2022 <i>State Well-being Index by Component, Perak, 2010-2022</i>	152
1.11	Indeks Kesejahteraan Rakyat Negeri mengikut Komponen, Perlis, 2010-2022 <i>State Well-being Index by Component, Perlis, 2010-2022</i>	153
1.12	Indeks Kesejahteraan Rakyat Negeri mengikut Komponen, Selangor, 2010-2022 <i>State Well-being Index by Component, Selangor, 2010-2022</i>	154
1.13	Indeks Kesejahteraan Rakyat Negeri mengikut Komponen, Terengganu, 2010-2022 <i>State Well-being Index by Component, Terengganu, 2010-2022</i>	155
1.14	Indeks Kesejahteraan Rakyat Negeri mengikut Komponen, Sabah, 2010-2022 <i>State Well-being Index by Component, Sabah, 2010-2022</i>	156
1.15	Indeks Kesejahteraan Rakyat Negeri mengikut Komponen, Sarawak, 2010-2022 <i>State Well-being Index by Component, Sarawak, 2010-2022</i>	157
1.16	Indeks Kesejahteraan Rakyat Negeri mengikut Komponen, Wilayah Persekutuan, 2010-2022 <i>State Well-being Index by Component, Wilayah Persekutuan, 2010-2022</i>	158

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong
This page is deliberately left blank



BAHAGIAN 1

PART 1


SEPINTAS LALU

AT A GLANCE


Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong
This page is deliberately left blank



INDEKS KESEJAHTERAAN RAKYAT MALAYSIA (IKRM) 2022





INDEKS KESEJAHTERAAN RAKYAT MALAYSIA MENGIKUT SUBKOMPOSIT SOSIAL DAN EKONOMI






INDEKS KESEJAHTERAAN RAKYAT MALAYSIA (IKRM) 2022





INDEKS KESEJAHTERAAN RAKYAT MENGIKUT NEGERI



Nota:

*Termasuk W.P. Kuala Lumpur, W.P. Labuan dan W.P. Putrajaya.
Indeks Kesejahteraan Rakyat mengikut negeri meliputi 63 indikator.

INDEKS KESEJAHTERAAN RAKYAT MENGIKUT NEGERI DAN SUBKOMPOSIT, 2021 DAN 2022


2021

2022






MALAYSIAN WELL-BEING INDEX (MyWI) 2022




MALAYSIAN WELL-BEING INDEX BY SOCIAL AND ECONOMIC SUB-COMPOSITE






MALYSIAN WELL-BEING INDEX (MyWI) 2022





RAKYAT'S WELL-BEING INDEX BY STATE




Notes:


*Includes W.P. Kuala Lumpur, W.P. Labuan and W.P. Putrajaya.
Rakyat's Well-being Index by state comprises of 63 indicators.

RAKYAT'S WELL-BEING INDEX BY STATE AND SUB-COMPOSITE, 2021 AND 2022

2021



2022





BAHAGIAN 2

PART 2

RINGKASAN PENEMUAN

SUMMARY OF FINDINGS

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong
This page is deliberately left blank

PENGENALAN

Indeks Kesejahteraan Rakyat Malaysia (IKRM) dibangunkan untuk mengukur tahap kesejahteraan rakyat Malaysia daripada perspektif ekonomi dan sosial. IKRM meliputi dua subkomposit iaitu kesejahteraan ekonomi dan kesejahteraan sosial.

Kesejahteraan rakyat Malaysia pada 2022 merentasi fasa endemik dan pemulihan COVID-19. Peralihan negara ke fasa endemik yang bermula April 2022 dengan pembukaan semula ekonomi secara berperingkat telah memberi impak positif kepada kedua-dua subkomposit.

SUBKOMPOSIT KESEJAHTERAAN EKONOMI

Subkomposit kesejahteraan ekonomi terdiri daripada lima komponen iaitu pengangkutan, komunikasi, pendidikan, pendapatan dan pengagihan dan persekitaran kerja. Subkomposit ekonomi terdiri daripada 25 indikator seperti berikut:

- Pengangkutan : 4 indikator
- Komunikasi : 3 indikator
- Pendidikan : 11 indikator
- Pendapatan dan Pengagihan : 3 indikator
- Persekitaran Kerja : 4 indikator

SUBKOMPOSIT KESEJAHTERAAN SOSIAL

Subkomposit kesejahteraan sosial terdiri daripada sembilan komponen iaitu perumahan, hiburan dan rekreasi, keselamatan awam, penyertaan sosial, tadbir urus, kebudayaan, kesihatan, alam sekitar dan keluarga. Terdapat 45 indikator bagi setiap komponen seperti berikut:

- Perumahan : 5 indikator
- Hiburan dan Rekreasi : 4 indikator
- Keselamatan Awam : 2 indikator
- Penyertaan Sosial : 3 indikator
- Tadbir Urus : 4 indikator
- Kebudayaan : 5 indikator
- Kesihatan : 11 indikator
- Alam Sekitar : 5 indikator
- Keluarga : 6 indikator

Terdapat satu indikator baharu dalam komponen kebudayaan iaitu bilangan pengunjung Memorial Negarawan dan tiga indikator baharu dalam komponen kesihatan iaitu kadar tahap kesihatan mental; liputan pelalian difteria, tetanus dan pertusis bagi bayi (dos pertama dan dos penamat); dan liputan pelalian *MMR* (*Mump*, *Measles* dan *Rubella*) untuk kanak-kanak berumur 1 hingga < 2 tahun pada 2022.

Perincian setiap indikator seperti di nota teknikal.

Paparan 1: Komponen Indeks Kesejahteraan Rakyat Malaysia 2022

Subkomposit Kesejahteraan Ekonomi



Subkomposit Kesejahteraan Sosial



PRESTASI KESELURUHAN IKRM

Secara keseluruhan, prestasi IKRM pada 2022 meningkat 2.5 peratus kepada 121.2 mata berbanding 118.3 mata pada 2021. Kedua-dua subkomposit kesejahteraan menunjukkan peningkatan pada 2022. Subkomposit kesejahteraan ekonomi merekodkan peningkatan 3.6 peratus pada 2022 kepada 130.0 mata berbanding 125.5 mata pada 2021 dan subkomposit kesejahteraan sosial meningkat 1.8 peratus kepada 116.4 mata pada tempoh yang sama. Subkomposit kesejahteraan ekonomi dan sosial masing-masing turut mencatat kenaikan mata indeks 4.5 dan 2.1 pada tempoh yang sama.

Dapatan kajian menunjukkan dalam indeks subkomposit kesejahteraan ekonomi, didapati kesemua komponen merekodkan peningkatan pada 2022 disumbangkan oleh pengangkutan (8.0%), pendapatan dan pengagihan (5.0%), pendidikan (4.1%), komunikasi (0.5%) dan persekitaran kerja (0.4%). Terdapat enam komponen dalam indeks subkomposit kesejahteraan sosial meningkat iaitu komponen hiburan dan rekreasi (20.8%), kebudayaan (6.5%), alam sekitar (3.4%), perumahan (1.6%), kesihatan (1.3%) dan keluarga (0.8%). Manakala, komponen keselamatan awam menurun 9.4 peratus, diikuti tadbir urus (-2.3%) dan penyertaan sosial (-0.08%). [Jadual 1]


Jadual 1: Indeks Kesejahteraan Rakyat Malaysia, 2021 dan 2022

Subkomposit/ Komponen	2021	2022	2021-2022	
			Perubahan Mata Indeks	Pertumbuhan (%)
2000=100				
Kesejahteraan Ekonomi	125.5	130.0	4.5	3.6
Pengangkutan	123.0	132.9	9.9	8.0
Komunikasi	129.6	130.3	0.7	0.5
Pendidikan	132.0	137.4	5.4	4.1
Pendapatan dan Pengagihan	118.1	124.0	5.9	5.0
Persekitaran Kerja	124.9	125.4	0.5	0.4
Kesejahteraan Sosial	114.3	116.4	2.1	1.8
Perumahan	118.9	120.8	1.9	1.6
Hiburan dan Rekreasi	102.9	124.3	21.4	20.8
Keselamatan Awam	139.2	126.1	-13.1	-9.4
Penyertaan Sosial	130.3	130.2	-0.1	-0.08
Tadbir Urus	123.7	120.8	-2.9	-2.3
Kebudayaan	91.1	97.0	5.9	6.5
Kesihatan	111.5	113.0	1.5	1.3
Alam Sekitar	111.3	115.1	3.8	3.4
Keluarga	99.3	100.1	0.8	0.8
INDEKS KESEJAHTERAAN RAKYAT MALAYSIA (IKRM)	118.3	121.2	2.9	2.5

Pembukaan sempadan negara sejak April 2022 lalu merancakkan usaha pemulihan bukan sahaja kepada sektor ekonomi malah kepada sektor sosial juga. Pembukaan semula aktiviti ekonomi dan kebenaran perjalanan rentas sempadan telah menyumbang kepada kenaikan 11 daripada 14 komponen IKRM pada 2022 berbanding tahun asas, 2000.

Komponen hiburan dan rekreasi meningkat dengan ketara iaitu 20.8 peratus kepada 124.3 mata pada 2022 berbanding 102.9 mata pada 2021 berikutan fasa peralihan endemik yang berkuat kuasa dari April 2022 di mana aktiviti pelancongan, hiburan dan rekreasi kembali rancak seperti keadaan sebelum pandemik. Walau bagaimanapun, satu komponen subkomposit kesejahteraan sosial iaitu Indeks Kebudayaan berada di bawah 100.0 mata indeks pada 2022.

Carta 1: Indeks Kesejahteraan Rakyat Malaysia, 2000-2022



Bagi tempoh 2000 hingga 2022, indeks subkomposit kesejahteraan ekonomi meningkat 30.0 mata indeks. Indeks subkomposit kesejahteraan sosial pula meningkat 16.4 mata indeks. Secara keseluruhan, IKRM meningkat 21.2 mata indeks sepanjang tempoh 22 tahun yang lalu.

INTRODUCTION

Malaysian Well-being Index (MyWI) is developed to measure levels of well-being among Malaysians from an economic and social perspective. MyWI comprises of two sub-composite, namely economic well-being and social well-being.

The Malaysian Well-Being Index for 2022 represents the recovery phase from the spread of the COVID-19 pandemic. The reopening of the border which started in April 2022 has positive impact to sub-components of well-being.

ECONOMIC WELL-BEING SUB-COMPOSITE

The economic well-being sub-composite consists of five components, namely transportation, communications, education, income and distribution and working life. The economic sub-composite consists of 25 indicators as follows:

- *Transportation : 4 indicators*
- *Communications : 3 indicators*
- *Education : 11 indicators*
- *Income and Distribution : 3 indicators*
- *Working Life : 4 indicators*

SOCIAL WELL-BEING SUB-COMPOSITE

The social well-being sub-composite comprises nine components, namely housing, entertainment and recreation, public safety, social participation, governance, culture, health, environment and family. There are 45 indicators covered in this sub-composite, as follows:

- *Housing : 5 indicators*
- *Entertainment and Recreation : 4 indicators*
- *Public Safety : 2 indicators*
- *Social Participation : 3 indicators*
- *Governance : 4 indicators*
- *Culture : 5 indicators*
- *Health : 11 indicators*
- *Environment : 5 indicators*
- *Family : 6 indicators*

There is one new indicator in the culture component which is the number of visitors to the Memorial Negarawan visitors and three new indicators in the health component which are level of mental health rate; immunisation coverage of infants for diphtheria, tetanus and pertussis (1st and completion dose); and immunisation coverage MMR (Mump, Measles and Rubella) for children aged 1 to < 2 years in 2022.

The details of each indicators are explained in the technical notes.

Exhibit 1: Components of Malaysian Well-Being Index 2022

Economic Well-being Sub-composite



Transportation



Communications



Education



Income and
Distribution



Working Life

Social Well-being Sub-composite



Housing




Environment



Health



Governance



Culture



Entertainment
and Recreation



Family



Social
Participation



Public Safety

MYWI'S OVERALL ACHIEVEMENT

Overall, MyWI performance in 2022 improved by 2.5 percent to 121.2 points as compared to 118.3 points in 2021. Both well-being sub-composites showed an increase in 2022. The economic well-being sub-composite recorded an increase of 3.6 per cent in 2022 to 130.0 points as compared to 125.5 points in 2021 and the social well-being sub-composite increased by 1.8 per cent to 116.4 points in the same period. The sub-composite of economic and social well-being also recorded an increase of 4.5 and 2.1 index points respectively in the same period.

The findings showed that all components recorded an increase in the sub-composite index of economic well-being which comprises transportation (8.0%), income and distribution (5.0%), education (4.1%), communications (0.5%) and working life (0.4%). Six components in the sub-composite index of social well-being, namely entertainment and recreation grew 20.8 per cent, culture (6.5%), environment (3.4%), housing (1.6%), health (1.3%) and family (0.8%). Meanwhile, the public safety component decreased by 9.4 per cent, followed by governance (-2.3%) and social participation (-0.08%). [Table 1]


Table 1: Malaysian Well-being Index, 2021 and 2022

Sub-composite/ Component 2000=100	2021	2022	2021-2022	
			Changes in Index Points	Growth (%)
Economic Well-being	125.5	130.0	4.5	3.6
Transportation	123.0	132.9	9.9	8.0
Communications	129.6	130.3	0.7	0.5
Education	132.0	137.4	5.4	4.1
Income and Distribution	118.1	124.0	5.9	5.0
Working Life	124.9	125.4	0.5	0.4
Social Well-being	114.3	116.4	2.1	1.8
Housing	118.9	120.8	1.9	1.6
Entertainment and Recreation	102.9	124.3	21.4	20.8
Public Safety	139.2	126.1	-13.1	-9.4
Social Participation	130.3	130.2	-0.1	-0.08
Governance	123.7	120.8	-2.9	-2.3
Culture	91.1	97.0	5.9	6.5
Health	111.5	113.0	1.5	1.3
Environment	111.3	115.1	3.8	3.4
Family	99.3	100.1	0.8	0.8
MALAYSIAN WELL-BEING INDEX (MyWI)	118.3	121.2	2.9	2.5

The opening of the country's borders since April 2022 has boosted recovery efforts not only for the economic sector but also for the social sector. The reopening of the economic activities and the permission of cross-border travel contributed an increase to 11 out of 14 MyWI components in 2022 as compared to the base year, 2000.

The entertainment and recreation component increased significantly which is 20.8 per cent to 124.3 points in 2022 as compared to 102.9 points in 2021 due to the endemic transition phase effective from April 2022 where tourism, entertainment and recreation activities have resumed as they were prior the pandemic. However, one of the component of the social well-being sub-composites which is Culture Index has yet to improve, registering an index of less than 100.0 index points in 2022.

Chart 1: Malaysian Well-being Index, 2000-2022



For the period from 2000 to 2022, the economic well-being sub-composite index rose by 30.0 index points. The social well-being sub-composite index increased by 16.4 index points. Overall, MyWI increased by 21.2 index points over the past 22 years.



BAHAGIAN 3

PART 3

PRESTASI IKRM DI PERINGKAT NASIONAL


*PERFORMANCE OF MYWI
AT NATIONAL LEVEL*

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong
This page is deliberately left blank

1 INDEKS PENGANGKUTAN 2022: 132.9 2021: 123.0


Indeks Pengangkutan diukur berdasarkan empat indikator utama iaitu bilangan penumpang pengangkutan awam, pemilikan kereta dan motosikal persendirian, panjang jalan per kapita dan Indeks Pembangunan Jalan Raya (RDI).

Paparan 2: Indikator dalam Indeks Pengangkutan




Indeks Pengangkutan meningkat dengan ketara, 32.9 mata indeks dalam tempoh dari 2000 hingga 2022. Indeks ini meningkat 9.9 mata indeks pada 2022 berbanding 2021. Jumlah penumpang pengangkutan awam menunjukkan trend positif pada 2022 berikutan pembukaan semula aktiviti ekonomi dan sosial dan kebenaran untuk merentasi sempadan negeri dan daerah.

Carta 2 : Indeks Pengangkutan, Malaysia, 2000-2022




Paparan 3: Pencapaian Indeks Pengangkutan



2 INDEKS KOMUNIKASI 2022: 130.3 2021: 129.6


Indeks Komunikasi mengandungi peratusan individu menggunakan internet, peratusan individu menggunakan telefon bimbit dan bilangan nama domain.

Paparan 4: Indikator dalam Indeks Komunikasi




Dalam tempoh dari 2000 hingga 2022, Indeks Komunikasi meningkat 30.3 mata indeks. Indeks ini meningkat 0.7 mata indeks pada 2022 berbanding tahun sebelumnya disumbangkan oleh pertumbuhan peratusan individu yang menggunakan internet dan telefon bimbit.

Carta 3: Indeks Komunikasi, Malaysia, 2000-2022




Paparan 5: Pencapaian Indeks Komunikasi


Perbezaan Mata Indeks
2000-2022



Perbezaan Mata Indeks
2021-2022




Kadar Pertumbuhan (%),
2021-2022



3 INDEKS PENDIDIKAN 2022: 137.4 2021: 132.0


Sebelas indikator digunakan dalam mengukur Indeks Pendidikan, iaitu kadar penyertaan peringkat pra-sekolah; kadar penyertaan peringkat sekolah rendah; kadar penyertaan peringkat sekolah menengah; kadar penyertaan peringkat tertiar; kadar literasi; bilangan pensyarah dengan kelayakan PhD; peratus guru siswazah di sekolah rendah; peratus guru siswazah di sekolah menengah; peratus pelajar tamat sekolah rendah; peratus pelajar tamat sekolah menengah dan peratus calon lulus SPM.

Paparan 6: Indikator dalam Indeks Pendidikan




Indeks Pendidikan meningkat 37.4 mata indeks dari tahun 2000 hingga 2022. Indeks ini meningkat 5.4 mata indeks pada 2022 berbanding 2021 didorong oleh peratus pelajar tamat sekolah menengah, peratusan calon lulus SPM dan kadar literasi.

Carta 4: Indeks Pendidikan, Malaysia, 2000-2022



Paparan 7: Pencapaian Indeks Pendidikan


Perbezaan Mata Indeks
2000-2022



Perbezaan Mata Indeks
2021-2022



Kadar Pertumbuhan (%),
2021-2022



4 INDEKS PENDAPATAN DAN PENGAGIHAN

2022: 124.0

2021: 118.1


Indeks Pendapatan dan Pengagihan diukur berdasarkan pendapatan negara kasar per kapita, pekali gini dan insiden kemiskinan.

Paparan 8: Indikator dalam Indeks Pendapatan dan Pengagihan




Bagi tempoh 2000 hingga 2022, Indeks Pendapatan dan Pengagihan meningkat 24.0 mata indeks kepada 124.0 mata indeks. Sementara itu, perbandingan tahun ke tahun menunjukkan indeks meningkat 5.9 mata indeks pada 2022. Semua komponen menunjukkan prestasi positif.

Carta 5: Indeks Pendapatan dan Pengagihan, Malaysia, 2000-2022




Paparan 9: Pencapaian Indeks Pendapatan dan Pengagihan

Perbezaan Mata Indeks
2000-2022



Perbezaan Mata Indeks
2021-2022



Kadar Pertumbuhan (%),
2021-2022



5 INDEKS PERSEKITARAN KERJA 2022: 125.4 2021: 124.9


Indeks Persekitaran Kerja terdiri daripada empat indikator iaitu kadar kemalangan perusahaan dan perjalanan, purata jam bekerja, kehilangan hari bekerja kerana tindakan perusahaan dan pertikaian perusahaan.

Paparan 10: Indikator dalam Indeks Persekitaran Kerja




Indeks Persekitaran Kerja meningkat 25.4 mata indeks antara 2000 dan 2022. Indeks ini meningkat 0.5 mata indeks pada 2022 berbanding 2021. Peningkatan dalam indeks ini adalah disebabkan oleh penurunan dalam bilangan pertikaian perusahaan.

Carta 6: Indeks Persekitaran Kerja, Malaysia, 2000-2022



Paparan 11: Pencapaian Indeks Persekitaran Kerja


Perbezaan Mata Indeks
2000-2022



Perbezaan Mata Indeks
2021-2022




Kadar Pertumbuhan (%),
2021-2022



6 INDEKS PERUMAHAN 2022: 120.8 2021: 118.9


Indeks Perumahan dikira berdasarkan peratus unit rumah kos rendah kepada bilangan isi rumah B40, peratus isi rumah dengan bekalan air terawat, peratus isi rumah dengan bekalan elektrik dan peratus liputan perkhidmatan kutipan sampah serta bilangan penghuni sebilik.

Paparan 12: Indikator dalam Indeks Perumahan



Dalam tempoh 2000 hingga 2022, Indeks Perumahan menunjukkan trend positif dengan peningkatan 20.8 mata indeks. Indeks ini meningkat 1.9 mata indeks pada 2022 berbanding hingga 2021. Antara penyumbang kepada peningkatan Indeks Perumahan disebabkan peratus unit rumah kos rendah kepada bilangan isi rumah B40 dan penambahbaikan bekalan utiliti.

Carta 7: Indeks Perumahan, Malaysia, 2000-2022



Paparan 13: Pencapaian Indeks Perumahan


Perbezaan Mata Indeks
2000-2022



Perbezaan Mata Indeks
2021-2022




Kadar Pertumbuhan (%),
2021-2022



7 INDEKS HIBURAN DAN REKREASI 2022: 124.3 2021: 102.9

Indeks ini dikira berdasarkan bilangan penginap hotel domestik, bilangan isi rumah dengan langganan TV berbayar, bilangan pengunjung taman rekreasi dan bilangan pengunjung pawagam.

Paparan 14: Indikator dalam Indeks Hiburan dan Rekreasi




Dalam tempoh dari 2000 hingga 2022, Indeks Hiburan dan Rekreasi meningkat 24.3 mata indeks. Indeks ini juga meningkat dengan ketara 21.4 mata indeks pada 2022 berbanding 2021 berikutan pembukaan sempadan yang merancakkan aktiviti pelancongan.

Carta 8: Indeks Hiburan dan Rekreasi, Malaysia, 2000-2022



Paparan 15: Pencapaian Indeks Hiburan dan Rekreasi


Perbezaan Mata Indeks
2000-2022



Perbezaan Mata Indeks
2021-2022



Kadar Pertumbuhan (%),
2021-2022



8 INDEKS KESELAMATAN AWAM 2022: 126.1 2021: 139.2


Indeks keselamatan awam merangkumi dua indikator iaitu bilangan kemalangan jalan raya dan kadar jenayah.

Paparan 16: Indikator dalam Indeks Keselamatan Awam




Indeks Keselamatan Awam mencatatkan peningkatan 26.1 mata indeks bagi tempoh dari 2000 hingga 2022. Indeks Keselamatan Awam merosot 9.4 peratus kepada 126.1 mata pada 2022 berbanding 139.2 mata pada 2021. Penurunan ini disebabkan oleh peningkatan bilangan kemalangan jalan raya berikutan pembukaan semula sempadan serta aktiviti ekonomi.

Carta 9: Indeks Keselamatan Awam, Malaysia, 2000-2022




Paparan 17: Pencapaian Indeks Keselamatan Awam



9 INDEKS PENYERTAAN SOSIAL 2022: 130.2 2021: 130.3


Indeks Penyertaan sosial merangkumi indikator keahlian RELA, bilangan persatuan penduduk berdaftar dan bilangan pertubuhan bukan bermotif keuntungan berdaftar.

Paparan 18: Indikator dalam Indeks Penyertaan Sosial



Indeks Penyertaan Sosial meningkat sebanyak 30.2 mata indeks dari tahun 2000 hingga 2022. Indeks ini menurun 0.1 mata indeks pada 2022 berbanding 2021 disebabkan oleh penurunan keahlian RELA dan bilangan pertubuhan bukan bermotif keuntungan berdaftar menyebabkan kadar pertumbuhan Indeks Penyertaan Sosial menurun sedikit 0.08 peratus.

Carta 10: Indeks Penyertaan Sosial, Malaysia, 2000-2022




Paparan 19: Pencapaian Indeks Penyertaan Sosial


Perbezaan Mata
2000-2022



Perbezaan Mata
2021-2022




Kadar Pertumbuhan (%),
2021-2022




10 INDEKS TADBIR URUS 2022: 120.8 2021: 123.7

Indeks Tadbir Urus terdiri daripada bilangan transaksi e-pembayaran, peratus pengguna e-Filing, peratus kes rasuah yang didakwa dan peratus kes yang diselesaikan oleh Biro Pengaduan Awam.




Dalam tempoh dari 2000 hingga 2022, Indeks Tadbir Urus meningkat 20.8 mata indeks. Indeks ini merosot 2.9 mata indeks berbanding 2021 disebabkan penurunan peratusan kes rasuah yang didakwa, peratus pengguna e-filing dan peratus kes yang diselesaikan oleh Biro Pengaduan Awam. Bilangan transaksi e-pembayaran terus menunjukkan trend positif dari tahun ke tahun, terutamanya semasa musim pandemik COVID-19 di mana lebih banyak transaksi perlu dilakukan secara atas talian.

Carta 11: Indeks Tadbir Urus, Malaysia, 2000-2022




Paparan 21: Pencapaian Indeks Tadbir Urus



11 INDEKS KEBUDAYAAN 2022: 97.0 2021: 91.1


Terdapat lima indikator dalam Indeks Kebudayaan iaitu bilangan keahlian perpustakaan awam dan negara, bilangan pengunjung Istana Budaya, bilangan pengunjung Kompleks Kraf, bilangan pengunjung muzium dan bilangan pengunjung Memorial Negarawan.

Paparan 22: Indikator dalam Indeks Kebudayaan




Dalam tempoh dari 2000 hingga 2022, Indeks Budaya menurun 3.0 mata indeks. Walau bagaimanapun, indeks meningkat 5.9 mata indeks pada 2022 berbanding 2021. Pembukaan semula perpustakaan, kompleks kraf, kompleks kebudayaan dan muzium bermula dari Oktober 2021 dan konsep pelancongan visual baharu menyumbang kepada peningkatan indeks ini.

Carta 12: Indeks Kebudayaan, Malaysia, 2000-2022




Paparan 23: Pencapaian Indeks Kebudayaan


Perbezaan Mata Indeks
2000-2022



Perbezaan Mata Indeks
2021-2022




Kadar Pertumbuhan (%),
2021-2022



12 INDEKS KESIHATAN 2022: 113.0 2021: 111.5


Tahap kesihatan diukur melalui jangkaan hayat ketika lahir, kadar kematian bayi, nisbah kematian ibu bersalin, bilangan kes penyakit tidak berjangkit, nisbah doktor kepada penduduk, peratus pesakit yang menunggu masa kurang daripada 90 minit, bilangan katil di hospital, bilangan kes penyakit berjangkit, liputan pelalian *difteria*, *tetanus* dan *pertusis* bagi bayi, liputan pelalian MMR (*Mump*, *Measles* dan *Rubella*) untuk kanak-kanak berumur 1 hingga < 2 tahun dan kadar tahap kesihatan mental.

Paparan 24: Indikator dalam Indeks Kesihatan




Indeks Kesihatan meningkat 13.0 mata indeks untuk tempoh dari 2000 hingga 2022. Indeks Kesihatan juga meningkat 1.5 mata indeks pada 2022 berbanding 2021 didorong oleh penurunan nisbah kematian ibu bersalin dan peningkatan liputan imunisasi *Difteria*, *Tetanus* dan *Pertusis* bagi bayi.

Carta 13: Indeks Kesihatan, Malaysia, 2000-2022




Paparan 25: Pencapaian Indeks Kesihatan


Perbezaan Mata Indeks
2000-2022



Perbezaan Mata Indeks
2021-2022




Kadar Pertumbuhan (%),
2021-2022



13 INDEKS ALAM SEKITAR 2022: 115.1 2021: 111.3


Indeks Alam Sekitar merangkumi lima indikator iaitu kualiti air, kualiti udara, kuantiti sisa berjadual, purata suhu maksimum dan peratus kawasan berhutan.

Paparan 26: Indikator dalam Indeks Alam Sekitar




Indeks Alam Sekitar meningkat 15.1 mata indeks antara tahun 2000 hingga 2022. Indeks ini meningkat 3.8 mata indeks pada 2022 berbanding 2021. Kesemua indikator dalam komponen alam sekitar bertambah baik kepada 115.1 mata pada 2022.

Carta 14: Indeks Alam Sekitar, Malaysia, 2000-2022




Paparan 27: Pencapaian Indeks Alam Sekitar


Perbezaan Mata Indeks
2000-2022



Perbezaan Mata Indeks
2021-2022




Kadar Pertumbuhan (%),
2021-2022



14 INDEKS KELUARGA 2022: 100.1 2021: 99.3


Kualiti kesejahteraan keluarga diukur melalui kadar perceraian, kes keganasan rumah tangga, kanak-kanak yang terlibat dengan jenayah, purata pendapatan isi rumah bulanan, hutang isi rumah per kapita dan nisbah tanggungan.

Paparan 28: Indikator dalam Indeks Keluarga




Indeks Keluarga meningkat 0.1 mata indeks dari tahun 2000 hingga 2022. Indeks ini meningkat 0.8 mata indeks pada 2022 berbanding 2021. Peningkatan ini disumbang oleh penurunan bilangan kes kanak-kanak yang terlibat dengan jenayah, penurunan nisbah tanggungan serta keganasan rumah tangga dan peningkatan purata pendapatan isi rumah bulanan.

Carta 15: Indeks Keluarga, Malaysia, 2000-2022




Paparan 27: Pencapaian Indeks Keluarga


Perbezaan Mata Indeks
2000-2022



Perbezaan Mata Indeks
2021-2022




Kadar Pertumbuhan (%),
2021-2022



1 TRANSPORTATION INDEX 2022: 132.9 2021: 123.0

The Transportation Index is measured based on four main indicators, namely the number of public transport passengers, private car and motorcycle ownership, road length per capita and the Road Development Index (RDI).

Exhibit 2 : Indicators in the Transportation Index



The Transportation Index increased significantly, 32.9 index points in the period from 2000 to 2022. This index increased by 9.9 index points in 2022 as compared to 2021. The number of public transport passengers showed a positive trend in 2022 due to the reopening of economic and social activities and the permission to travel across state and district borders.

Chart 2: Transportation Index, Malaysia, 2000 - 2022






Exhibit 3 : Transportation Index Performance



2 COMMUNICATIONS INDEX 2022: 130.3 2021: 129.6

The Communications Index comprises the percentage of individual using the internet, the percentage of individual using mobile phones and the number of domain names.

Exhibit 4 : Indicators in Communications Index



In the period from 2000 to 2022, the Communications Index rose 30.3 index points. This index increased by 0.7 index points in 2022 as compared to the previous year led by growth in the percentage of individuals using the internet and mobile phones.

Chart 3: Communications Index, Malaysia, 2000-2022




Exhibit 5: Communications Index Performance

Changes in
Index Points,
2000-2022



Changes in
Index Points,
2021-2022




Growth Rate (%),
2021-2022



3 EDUCATION INDEX 2022: 137.4 2021: 132.0

Eleven indicators are used in measuring the Education Index, which are pre-school participation rate; primary school participation rate; secondary school participation rate; tertiary participation rate; literacy rate; number of lecturers with PhD; percentage of graduate teachers in primary school; percentage of graduate teachers in secondary school; primary students completion rate; secondary students completion rate and percentage of candidates passing SPM.

Exhibit 6 : Indicators in the Education Index



The Education Index increased by 37.4 index points from 2000 to 2022. This index increased by 5.4 index points in 2022 as compared to 2021 driven by the percentage of secondary students completion rate, percentage of candidates passing SPM and literacy rate.

Chart 4 : Education Index, Malaysia, 2000-2022





Exhibit 7 : Education Index Performance

Changes in
Index Points,
2000-2022



Changes in
Index Points,
2021-2022



Growth Rate (%),
2021-2022



4 INCOME AND DISTRIBUTION INDEX

2022: 124.0

2021: 118.1

Income and Distribution Index is measured by gross national income per capita, gini coefficient and incidence of poverty.

Exhibit 8 : Indicators in the Income and Distribution Index



For the period from 2000 to 2022, the Income and Distribution Index increased by 24.0 index points to 124.0 index points. Meanwhile, year-on-year comparison showed the index grew 5.9 index points in 2022. All components showed positive performance.

Chart 5 : Income and Distribution Index, Malaysia, 2000-2022






Exhibit 9 : Income and Distribution Index performance



5 WORKING LIFE INDEX 2022: 125.4 2021: 124.9

The Working Life Index consists of four indicators namely industrial and travel accidents rate, average working hours, man-days lost due to industrial actions and trade disputes.

Exhibit 10 : Indicators in Working Life Index



The Working Life Index increased by 25.4 index points between 2000 and 2022. This index increased marginally 0.5 index points in 2022 as compared to 2021. The increase in this index is due to a decrease in the number of trade disputes.

Chart 6 : Working Life Index, Malaysia, 2000-2022




Exhibit 11 : Working Life Index Performance

Changes in Index Points, 2000-2022



Changes in Index Points, 2021-2022



Growth Rate (%), 2021-2022




6 HOUSING INDEX

2022: 120.8

2021: 118.9

The Housing Index is calculated based on the percentage of low cost housing units to the number of B40 households, percentage of households with treated water supply, percentage of households with electricity supply and percentage of households with garbage collection services as well as number of persons per room.

Exhibit 12 : Indicators in the Housing Index



In the period from 2000 to 2022, the Housing Index showed a positive trend by increasing 20.8 index points. This index increased by 1.9 index points in 2022 as compared 2021. Among the contributors to the incline in the Housing Index was the increase percentage of low cost housing units to the number of B40 households and improved utility supply.

Chart 7 : Housing Index, Malaysia, 2000-2022




Exhibit 13 : Housing Index performance

Changes of Index Points, 2000-2022



Changes in Index Points, 2021-2022




Growth Rate (%), 2021-2022



7 ENTERTAINMENT AND RECREATION INDEX 2022: 124.3 2021: 102.9

This index is measured based on the number of domestic hotel guests, number of households with paid TV subscriptions, number of recreational park visitors and number of cinemagoers.

Exhibit 14 : Indicators in Entertainment and Recreation Index



In the period from 2000 to 2022, the Entertainment and Recreation Index increased by 24.3 index points. This index also increased significantly by 21.4 index points in 2022 as compared to 2021 as the opening of borders boosted tourism activities.

Chart 8 : Entertainment and Recreation Index, Malaysia 2000-2022




Exhibit 15 : Entertainment and Recreation Index Performance

Changes in
Index Points,
2000-2022



Changes in
Index Points,
2021-2022



Growth Rate (%),
2021-2022



8 PUBLIC SAFETY INDEX

2022: 126.1

2021: 139.2

Public Safety Index consists of two indicators namely number of road accidents and crime rate.

Exhibit 16 : Indicators in the Public Safety Index



The Public Safety Index recorded an increase of 26.1 index points for the period from 2000 to 2022. Public Safety Index decreased by 9.4 per cent to 126.1 points in 2022 as compared to 139.2 points in 2021. The decline is attributed to the increase in the number of road accident in tandem with reopening of borders as well as economic activities.

Chart 9 : Public Safety Index, Malaysia, 2000-2022






Exhibit 17 : Public Safety Index performance



9 SOCIAL PARTICIPATION INDEX 2022: 130.2 2021: 130.3

The social participation comprises of membership of RELA, number of registered residents associations and number of registered non-profit organisations.

Exhibit 18 : Indicators in Social Participation Index



The Social Participation Index increased by 30.2 index points from 2000 to 2022. This index decreased by 0.1 index points in 2022 as compared to 2021 due to the decrease in membership of RELA and the number of registered non-profit organizations causing the growth rate of the Social Participation Index to slightly decrease by 0.08 per cent.

Chart 10 : Social Participation Index, Malaysia, 2000-2022






Exhibit 19 : Social Participation Index Performance



10 GOVERNANCE INDEX 2022: 120.8 2021: 123.7

The Governance Index comprises the number of e-payment transactions, percentage of e-Filing users, percentage of corruption cases prosecuted and the percentage of cases solved by the Public Complaints Bureau.

Exhibit 20 : Indicators in the Governance Index



During the period from 2000 to 2022, the Governance Index increased by 20.8 index points. This index declined by 2.9 index points as compared to 2021 due to decrease in the percentage of corruption cases prosecuted, the percentage of e-filing users and the percentage of cases resolved by the Public Complaints Bureau. On the other hand, the number of e-payment transactions continues to show a positive trend from year to year, especially during the COVID-19 pandemic season where more transactions have to be conducted online.

Chart 11 : Governance Index, Malaysia, 2000-2022





Exhibit 21 : Governance Index performance



11 CULTURE INDEX 2022: 97.0 2021: 91.1

There are five indicators in the Culture Index which are the number of memberships in public and national libraries, the number of Istana Budaya visitors, the number of Craft Complex visitors, the number of museum visitors and the number of Memorial Negarawan visitors.

Exhibit 22 : Indicators in Culture Index



In the period from 2000 to 2022, the Culture Index decreased by 3.0 index points. However, the index rose by 5.9 index points in 2022 as compared to 2021. The reopening of libraries, craft complexes, cultural complexes and museums starting from October 2021 and the new visual tour concept contributed to the increase in this index.

Chart 12 : Culture Index, Malaysia 2000-2022




Exhibit 23 : Culture Index Performance

Changes in Index Points, 2000-2022



Changes in Index Points, 2021-2022



Growth Rate (%), 2021-2022




12 HEALTH INDEX

2022: 113.0

2021: 111.5

Health status is measured by life expectancy at birth, infant mortality rate, maternal mortality ratio, number of non-communicable diseases, doctor to population ratio, percentage of patients whose waiting time is less than 90 minutes, number of beds in hospitals, number of communicable diseases, immunisation coverage of infants for Diphtheria, Tetanus and Pertussis, immunisation coverage MMR (Mump, Measles and Rubella) for children aged 1 to < 2 years and level of mental health rate.

Exhibit 24 : Indicators in the Health Index



The Health Index increased by 13.0 index points for the period from 2000 to 2022. The Health Index also increased by 1.5 index points in 2022 as compared to 2021 led by the decreased in maternal mortality ratio and increased in immunisation coverage of infants for Diphtheria, Tetanus and Pertussis.

Chart 13 : Health Index, Malaysia, 2000-2022




Exhibit 25 : Health Index Performance

Changes in Index Points, 2000-2022



Changes in Index Points, 2021-2022



Growth Rate (%), 2021-2022




13 ENVIRONMENT INDEX

2022: 115.1

2021: 111.3

Environment Index covers five indicators namely water quality, air quality, quantity of scheduled waste generated, maximum mean temperature and percentage of forested land.

Exhibit 26 : Indicators in the Environment Index



The Environmental Index increased by 15.1 index points between 2000 to 2022. The index increased by 3.8 index points in 2022 as compared to 2021. All the indicators in the environmental component improved and thus the index increased by 115.1 points in 2022.

Chart 14 : Environment Index, Malaysia, 2000-2022




Exhibit 27 : Environment Index performance

*Changes in
Index Points,
2000-2022*



*Changes in
Index Points,
2021-2022*



*Growth Rate (%),
2021-2022*




14 FAMILY INDEX

2022: 100.1 2021: 99.3

The quality of family well-being is measured by the divorce rate, domestic violence cases, children involved in crime, mean monthly household income, household debt per capita and dependency ratio.

Exhibit 28 : Indicators in Family Index



The Family Index increased by 0.1 index points from 2000 to 2022. This index increased by 0.8 index points in 2022 as compared to 2021. The increased is attributed to the decrease in the number of cases of children involved in crime, decrease dependency ratio as well as domestic violence and increase in mean monthly household income.

Chart 15 : Family Index, Malaysia, 2000-2022




Exhibit 29 : Family Index Performance

Changes in Index Points, 2000-2022



Changes in Index Points, 2021-2022



Growth Rate (%), 2021-2022





BAHAGIAN 4

PART 4

PRESTASI IKRM DI PERINGKAT NEGERI

*PERFORMANCE OF MYWI
AT STATE LEVEL*

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong
This page is deliberately left blank

PENGENALAN

Indeks Kesejahteraan Rakyat Negeri (IKRN) dibangunkan untuk mengukur tahap kesejahteraan rakyat di peringkat negeri daripada perspektif ekonomi dan sosial. IKRN meliputi dua subkomposit iaitu kesejahteraan ekonomi dan kesejahteraan sosial. IKRN terdiri daripada 14 komponen dan 63 indikator.

SUBKOMPOSIT KESEJAHTERAAN EKONOMI

Subkomposit kesejahteraan ekonomi terdiri daripada lima komponen iaitu pengangkutan, komunikasi, pendidikan, pendapatan dan pengagihan dan persekitaran kerja. Subkomposit ekonomi terdiri daripada 24 indikator seperti berikut:

- Pengangkutan : 4 indikator
- Komunikasi : 3 indikator
- Pendidikan : 11 indikator
- Pendapatan dan Pengagihan : 3 indikator
- Persekitaran Kerja : 3 indikator

SUBKOMPOSIT KESEJAHTERAAN SOSIAL

Subkomposit kesejahteraan sosial terdiri daripada sembilan komponen iaitu perumahan, hiburan dan rekreasi, keselamatan awam, penyertaan sosial, tadbir urus, kebudayaan, kesihatan, alam sekitar dan keluarga.


Terdapat 39 bilangan indikator bagi setiap komponen seperti berikut:

- Perumahan : 5 indikator
- Hiburan dan Rekreasi : 4 indikator
- Keselamatan Awam : 2 indikator
- Penyertaan Sosial : 3 indikator
- Tadbir Urus : 3 indikator
- Kebudayaan : 2 indikator
- Kesihatan : 10 indikator
- Alam Sekitar : 4 indikator
- Keluarga : 6 indikator

PRESTASI INDEKS KESEJAHTERAAN RAKYAT NEGERI (IKRN)

Secara keseluruhan, prestasi IKRN bagi kesemua negeri mencatatkan kenaikan mata indeks pada 2022. Tiga negeri yang mencatatkan mata indeks tertinggi ialah Perlis dengan 2.9 mata indeks kepada 115.2 mata pada 2022 berbanding 112.3 mata pada 2021, diikuti Sarawak 2.8 mata indeks kepada 119.5 mata pada 2022 berbanding 116.7 mata pada 2021 dan Perak 2.4 mata indeks kepada 118.5 mata berbanding 116.1 mata pada tempoh sama.

Paparan 30: Indeks Kesejahteraan Rakyat Negeri, 2021 dan 2022




Nota: *Termasuk W.P. Kuala Lumpur, W.P. Labuan dan W.P. Putrajaya. Ini terpakai dalam analisis mengikut negeri.

PRESTASI INDEKS KESEJAHTERAAN RAKYAT NEGERI MENGIKUT KOMPONEN

INDEKS PENGANGKUTAN

Indeks Pengangkutan diukur berdasarkan empat indikator utama iaitu bilangan penumpang pengangkutan awam, pemilikan kereta dan motosikal persendirian, panjang jalan per kapita dan Indeks Pembangunan Jalan Raya (RDI).

Paparan 31: Indeks Pengangkutan mengikut Negeri, 2021 dan 2022




Prestasi Indeks Pengangkutan mencatatkan peningkatan 10.4 mata indeks pada 2022 berbanding 2021. Kesemua negeri merekodkan perubahan positif dalam mata indeks. Tiga negeri yang mencatatkan mata indeks tertinggi adalah Sabah iaitu 11.6 mata indeks, diikuti Pahang dan Kedah masing-masing 11.2 dan 11.1 mata indeks. Penunjuk Indeks Pembangunan Jalan Raya (RDI) dan jumlah penumpang pengangkutan awam menyumbang kepada peningkatan indeks ini berikutan pembukaan semula aktiviti ekonomi dan sosial.

INDEKS KOMUNIKASI

Indeks Komunikasi mengandungi peratus individu menggunakan internet, peratusan individu menggunakan telefon bimbit dan bilangan nama domain.

Paparan 32: Indeks Komunikasi mengikut Negeri, 2021 dan 2022




Indeks Komunikasi meningkat 0.7 mata indeks pada 2022 berbanding 2021 disumbangkan oleh kesemua negeri kecuali Perak. Tiga negeri menunjukkan peningkatan mata indeks tertinggi ialah Melaka (2.0 mata indeks), diikuti Kedah (1.9 mata indeks) dan Negeri Sembilan (1.9 mata indeks). Peningkatan indeks ini disumbang oleh peningkatan individu yang menggunakan telefon bimbit dan internet. Manakala, penurunan Indeks Komunikasi di Perak disebabkan oleh penyusutan bilangan nama domain.

INDEKS PENDIDIKAN

Sebelas indikator digunakan dalam mengukur Indeks Pendidikan iaitu kadar penyertaan peringkat pra-sekolah; kadar penyertaan peringkat sekolah rendah; kadar penyertaan peringkat sekolah menengah; kadar penyertaan peringkat tertiar; kadar literasi; bilangan pensyarah dengan kelayakan PhD; peratus guru siswazah di sekolah rendah; peratus guru siswazah di sekolah menengah; peratus pelajar tamat sekolah rendah; peratus pelajar tamat sekolah menengah dan peratus calon lulus SPM.



Paparan 33: Indeks Pendidikan mengikut Negeri, 2021 dan 2022




